

Telephone: Brunei Students Unit  
(020 7402 0045)  
Brunei Hall  
(020 7402 0953)  
Fax: 020 7262 8406  
Website: www.upp.org.uk  
Email: admin@upp.org.uk



اونيت فنونوت ووترا بروني

BRUNEI STUDENTS UNIT  
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM  
35 – 43 Norfolk Square  
London W2 1RX

**SURAT PERMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT  
BIL 10/2017**

**Kepada: Semua Penuntut-Penuntut Negara Brunei Darussalam yang  
Menuntut di United Kingdom (UK) dan Ireland**

**PERMAKLUMAN PENTING  
MENGENAI PERMOHONAN UNTUK KELUAR UNITED KINGDOM DAN IRELAND UNTUK  
BERCUTI ATAU SEBAB-SEBAB SOSIAL LAIN**

Dengan hormat sukacita merujuk permakluman dan peringatan-peringatan Unit Penuntut-penuntut (UPP) sebelum ini mengenai perkara ini, adalah satu **MANDATORY** bagi **SETIAP** pelajar yang berhasrat untuk keluar UK atau Republik Ireland untuk bercuti atau sebab-sebab sosial lain untuk **mendapatkan permohonan kebenaran daripada pihak UPP dan juga daripada ibu bapa/penjaga terlebih dahulu, iaitu dengan mengisikan e-form "Holiday Application Form 2016/2017 Ver. 3"** yang boleh diisikan menggunakan portal pelajar masing-masing.

Sehubungan dengan itu, sayugia diingatkan kepada semua pelajar perkara berikut:

- 1) Setiap pelajar dimestikan untuk membawa dan menunjukkan kad **Biometric Resident Permit (BRP)** bagi pelajar yang menuntut di UK dan **Garda National Immigration Bureau (GNIB)** bagi pelajar yang menuntut di Ireland semasa membuat urusan dengan pihak Imigresen semasa keluar/masuk UK atau Ireland.
- 2) Dokumen penting seperti Kad Pengenalan (Brunei) dan juga lesen memandu (Brunei), pelajar adalah dinasihatkan untuk **tidak perlu dibawa bersama semasa percutian keluar UK atau Ireland**, iaitu bagi mengelakkan keperluan untuk menggantikannya jika terjadi sebarang kecurian nanti. **Walau bagaimana pun setiap pelajar adalah dimestikan mengupload salinan kad pengenalan, salinan pasport, BRP atau GNIB kedalam portal pelajar masing-masing.**
- 3) Semua pelajar untuk sentiasa berhati-hati semasa percutian diluar negeri dan memaklumkan kepada Kedutaan Negara Brunei Darussalam (NBD) ketika berada di negara yang dikunjungi dan juga jika terjadi sesuatu yang tidak diingini (sila rujuk **Appendix –Senarai Kedutaan NBD di Eropah, USA, Canada & Africa dan tadahan negara-negara dibawah jagaan Kedutaan NBD**).
- 4) Memaklumkan kepada Pegawai Kesejahteraan UPP ([wo@upp.org.org.uk](mailto:wo@upp.org.org.uk)) dengan seberapa segera jika terjadi sebarang musibah semasa percutian di luar UK dan Ireland, dan sentiasa memastikan dokumen-dokumen penting seperti Pasport, BRP dan GNIB, kad kredit adalah sentiasa dalam keadaan selamat.

Unit Penuntut-penuntut juga ingin menasihatkan kepada semua pelajar untuk sentiasa berhati-hati (*to be more vigilant*) dimana pun berada.

Sekian untuk perhatian dan tindakan semua pelajar mengenainya

*"Dasar Pembangunan Sejahtera, Pemanahin Pertumbuhan Ekonomi Negara"*

**IRMAWATI BINTI HAJIAHMAD**  
Pemangku Pengarah Pengajian  
Unit Penuntut-penuntut

Rujukan: BSU/E/5 Part XIV  
Tarikh : 13 Rejab 1438/ 10 April 2017

jt/hz